


DATA PRESTASI LOJI PENJANAAN TENAGA ELEKTRIK DI SABAH

1. Jumlah Tenaga Elektrik (nett) yang dijana oleh SESB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaaan	GWh
SESB	334.71
IPP	854.09


Graf menunjukkan bagi suku tahun pertama, secara keseluruhan IPP menyumbang 72% daripada jumlah tenaga elektrik yang dijana untuk Semenanjung Malaysia. Secara dasarnya, faktor ini disebabkan oleh Loji Penjanaaan Kitar Padu yang bertindak sebagai *base load* dimiliki oleh IPP. Loji penjanaaan ini menyumbang 79% daripada jumlah tenaga elektrik yang dijana pada suku tahun pertama 2012.



2. Kecekapan Thermal bagi Loji-Loji Penjanaaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaaan	SESB	IPP
Loji Penjanaaan Kitar Padu	33.00	36.80
Loji Penjanaaan Enjin	28.71	27.57


Kecekapan termal bagi setiap jenis loji penjanaaan adalah berdasarkan Higher Heating Value (HHV). Bagi suku tahun pertama 2012, kecekapan termal bagi setiap loji penjanaaan sama ada IPP ataupun SESB berada pada paras yang agak sederhana. Secara prinsipnya, Loji Penjanaaan Kitar Padu mempunyai kecekapan termal yang paling tinggi berdasarkan sistem operasinya yang lebih cekap berbanding Loji Penjanaaan Enjin.



3. Purata Faktor Kesediaan Setara Loji (EAF) bagi Loji-Loji Penjanaaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaaan	SESB	IPP
Loji Penjanaaan Kitar Padu	69.40	96.01
Loji Penjanaaan Enjin	55.61	49.74
Loji Penjanaaan Hidro - SESB sahaja	88.13	-
Purata EAF	71.78	


Faktor Kesediaan Setara Loji (EAF) bagi suku tahun pertama 2012. Secara keseluruhannya, purata EAF bagi suku tahun pertama menunjukkan prestasi yang sederhana iaitu 71.78%. Beberapa insiden henti tugas terancang dan henti tugas tidak terancang berlaku dan memberi impak kepada EAF.



4. Purata Faktor Henti Tugas Terancang (EPOF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	2.75	0.33
Loji Penjanaan Enjin	4.42	-
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	0.31	-
Purata EPOF		1.56

Secara keseluruhannya, Purata Faktor Henti Tugas Terancang (EPOF) bagi suku tahun pertama 2012 berada pada tahap 1.56%. Bagi suku tahun pertama 2012, terdapat aktiviti *Major Inspection* di Stesen Janakuasa Patau-Patau, *Top Overhaul & Crankshaft Repair* di Stesen Janakuasa Sandakan, dan *Site Measurement & Assessment* oleh REMACO di Stesen Janakuasa Tenom Pangi.



5. Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (EUOF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	0.05	2.16
Loji Penjanaan Enjin	4.71	6.16
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	0.01	-
Purata EUOF		2.62

Secara keseluruhannya, kadar Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (EUOF) untuk setiap loji penjanaan tidak melebihi sasaran PPA kecuali bagi Loji Penjanaan Enjin yang mencatatkan EUOF sebanyak 6.16%. Ini berikutan beberapa siri pelantikan berlaku di beberapa buah Stesen Janakuasa yang disebabkan oleh *Transformer Winding Insulation Failure, High Temperature in Main Bearing & Generator Transformer, Frequency Generator Malfunctioning, High Vibration in Gas Turbine*, dan *Lube Oil Leakage*.

